



The Philosophy of Islamic Education in Dealing with the Negative Impact of the Digital Revolution

Mohd Zulkifli Baharun, Khadijah Abdul Razak and
Mohd Isa Hamzah

EasyChair preprints are intended for rapid
dissemination of research results and are
integrated with the rest of EasyChair.

October 26, 2022

FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM DALAM MENANGANI IMPAK NEGATIF REVOLUSI DIGITAL

The Philosophy of Islamic Education in Dealing with the Negative Impact of the Digital Revolution

Mohd Zulkifli Bin Baharun- Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah

Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor

Corresponding's author email: P113313@siswa.ukm.edu.my

ABSTRAK

Peralihan dunia kepada era kemajuan teknologi digital telah meninggalkan kesan yang signifikan dalam seluruh aspek kehidupan manusia termasuk bidang pendidikan Islam. Kegagalan memanfaatkannya untuk mencapai tujuan dan matlamat pendidikan itu sendiri akan memberi impak yang negatif kepada nilai dan budaya hidup. Justeru, falsafah pendidikan Islam bersumberkan autoriti yang sah adalah rujukan yang relevan dan tepat mendepani impak revolusi digital. Kertas kerja ini bertujuan membincangkan falsafah pendidikan Islam, impak negatif revolusi digital serta cara menanganinya dengan penumpuan kepada 3 entiti utama iaitu ibu bapa, pendidik dan masyarakat. Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan iaitu dengan penelitian dokumen seperti artikel, jurnal, kajian ilmiah dan kertas kerja berkaitan. Dapatan kajian ini membincangkan faktor kemunculan impak negatif, impak negatif kepada nilai pemikiran, kefahaman dan budaya masyarakat serta cara menanganinya melalui Falsafah Pendidikan Islam berdasarkan 3 entiti tersebut. Jelaslah, Pendidikan Islam itu sendiri mempunyai aspek asas yang kuat dalam membentuk manusia yang seimbang kekuatan potensinya untuk menghadapi cabaran dan impak daripada arus globalisasi dan digitalisasi.

Kata kunci: Falsafah Pendidikan Islam, revolusi digital, revolusi industri, impak negatif, teknologi digital

ABSTRACT

The world's transition to the era of digital technological advancement has left a significant impact on all aspects of human life including the field of Islamic education. Failure to utilize it to achieve the educational goals and objectives will have a negative impact on the values and culture. Therefore, the philosophy of Islamic education from the authentic authority is a relevant and accurate reference to face the impact of the digital revolution. This paper aims to discuss the philosophy of Islamic education, the negative impact of the digital revolution, and how to deal with it by focusing on the 3 main entities, namely parents, educators, and the community. This study uses bibliographic research by examining documents such as articles, journals, scientific studies, and related papers. The findings of this study discuss the factors of the negativity, the impact of the negativity on the value of thought, understanding, and culture of society, as well as the way to deal with it through Islamic Education Philosophy based on the 3 entities. Islamic Education has a strong fundamental to form balanced human beings who have high potential to face the challenges as well as impacts of globalization and digitalization.

Keywords: Islamic education philosophy, digital revolution, the industrial revolution, negative impact, digital technology

PENGENALAN

Islam tidak pernah menolak kemajuan dan kemodenan sebaliknya Islam dari dahulu, kini dan selamanya sentiasa mendepani zaman. Syariatnya tidak terbatas oleh sempadan geografi, masa dan bangsa malah relevan merentasi tempat, masa dan bangsa (Maimun Aqsha Lubis et al. 2022). Hal ini boleh difahami daripada kandungan ilmu yang terkandung dalam al-Quran, hadis-hadis Rasulullah SAW yang mendahului zaman dan sejarah ketamadunan Islam. Begitulah pada era globalisasi sekarang iaitu peralihan kepada era revolusi industri 4.0 atau IR 4.0, prinsip dan matlamat Islam itu tetap sama agar umatnya melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah untuk memakmurkan alam ini dalam kerangka pengabdian kepada Allah SWT.

Berdasarkan kajian oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa pada 2013 menunjukkan bahawa Malaysia menduduki tangga ke empat tertinggi jumlah warga digitalnya dan 75% warga digitalnya terdiri daripada golongan muda (Naquiah Nahar et al. 2018). Situasi ini jelas menggambarkan arus digitalisasi itu sangat besar pengaruhnya ke atas warga kita, dari satu sudut lain, keadaan ini adalah positif kerana warga kita tidak ketinggalan daripada perkembangan teknologi digital, namun apa yang dirisaukan sejauh mana warga Malaysia terutamanya golongan remaja dan belia dapat memanfaatkannya dan mengelakkan unsur dan impak negatif daripadanya. Oleh itu, penggunaan berterusaan kecanggihan teknologi ini turut memberi impak kepada masyarakat sama ada yang baik atau buruk.

TUJUAN DAN MATLAMAT FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM

Falsafah Pendidikan Islam (FPI) bermatlamatkan proses pembinaan individu dan masyarakat secara holistik dengan menghayati cara hidup Islam yang bersumberkan al Qur'an dan as Sunnah (Saifulazry Mokhtar et al. 2019). Begitu juga penekanan objektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kelas, iaitu untuk memperkembangkan potensi pelajar yang seimbang dari sudut spiritual, fizikal, intelek, emosi dan sosial demi mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat. Falsafah Pendidikan Islam menyatakan; (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim et al. 2017)

“Usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat”

Falsafah Pendidikan Islam (FPI) adalah suatu gagasan yang menyatakan pandangan berdasarkan ketetapan Islam agar sistem pendidikan Islam terarah, mempunyai matlamat dan hala tuju. FPI juga menerangkan proses pendidikan Islam dan hal-hal yang berkaitan dengannya seperti konsep tuhan, konsep insan, alam dan kehidupan

(Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhrudin 2012). FPI dirujuk sebagai panduan pelaksanaan kaedah dan pandangan falsafah Islam dalam bidang pendidikan Islam. Tujuan FPI adalah untuk membentuk dan melahirkan insan yang berakhlak mulia yang mempunyai kualiti kehidupan yang baik dari segi material, sosial dan spiritualnya serta berpandangan dwifungsi iaitu hamba dan khalifah Allah SWT.

Pembinaan generasi soleh adalah menjadi matlamat pendidikan Islam bersandarkan keseimbangan yang dimiliki dan kekuatan jati diri yang berteraskan aqidah dan akhlak mulia, diharapkan mereka berupaya menghadapi apa jua cabaran sepanjang zaman termasuk arus digitalisasi. Selain itu, menurut al Attas (1980) pendidikan Islam bertujuan menyediakan generasi yang mampu menyesuaikan diri dan memainkan peranan dalam masyarakat. Sementara Ibnu Khaldun, menyatakan tujuan pendidikan Islam itu terbahagi kepada tujuan keagamaan dan keduniaan (Saifulazry Mokhtar et al. 2019). Penekanan diberikan dalam pemahaman dan penghayatan bersyariat dan persediaan menghadapi cabaran hidup agar generasi yang melalui proses pendidikan Islam ini menjadi hamba yang taat dan khalifah Allah yang membawa kesejahteraan kepada ummah.

REVOLUSI DIGITAL

Konsep revolusi digital telah berkembang sejak pengenalan komputer dan internet di awal Revolusi Industri 3.0 pada tahun 1960-an. Revolusi Digital merupakan transformasi daripada teknologi mekanik dan elektronik analog kepada teknologi digital bermula tahun 1980 sehingga ke hari ini. Revolusi digital ini telah mengubah paradigma seseorang dalam menjalani kehidupan seharian. Kecanggihan teknologi yang membuat perubahan besar kepada seluruh dunia dan seluruh aspek kehidupan manusia (Mashitoh Yaacob et al. 2021). Revolusi Industri 4.0 telah memacu sistem automasi dalam semua aktiviti manusia dan penggunaan teknologi internet dapat menghubungkan jutaan manusia seluruh dunia serta menjadi asas kepada perdagangan dan sistem pengangkutan secara dalam talian seperti Lazada, shopee, e wallet, foot panda, uber, grab dan banyak lagi. Revolusi digital ini menjadi pemangkin peningkatan pengintegrasian aktiviti fizikal, teknologi informasi dan komunikasi serta aktiviti ekonomi keseluruhannya.

IMPAK REVOLUSI DIGITAL

Kehidupan masa kini telah didominasi oleh perkembangan teknologi moden dan digital dalam semua aspek kehidupan. Daripada aspek pentadbiran negara sehingga urusan rumah tangga dan keperluan dalam rumah, banyak aspek kehidupan menjadi lebih mudah, pantas dan menjadi lebih ringan. Dunia kesalinghubungan melalui kecanggihan teknologi maklumat membolehkan manusia berhubung tanpa batasan sempadan masa dan geografi. Perkembangan ekonomi turut meningkat dengan peningkatan kemudahan e-dagang (Mashitoh Yaacob et al. 2021). Masyarakat sudah terbiasa dengan budaya medsos dalam kehidupan hariannya dari bangun di awal pagi hingga lewat malam semasa hendak tidur, begitulah rutin harian terutama golongan remaja dan muda.

Keadaan ini mendedahkan masyarakat terutamanya golongan remaja dan belia dengan penerapan nilai pemikiran, kefahaman dan budaya, yang dipindahkan melalui kuasa media seperti intranet dan telefon bimbit. Agen sosialisasi seperti platform digital dan media banyak mempengaruhi perkembangan masyarakat iaitu seawal usia kanak-kanak 2-3 tahun telah didedahkan dengan permainan gajet sehingga meningkat dewasa apabila memiliki peranti sendiri (Nurul Afiza Razali et al. 2019). Kecanggihan teknologi ini bukan sahaja mendatangkan kebaikan malah yang lebih membimbangkan risiko-risiko yang mengiringi kemodenan ini turut meninggalkan impak negatif kepada nilai dan sosiobudaya sesuatu masyarakat. Gejala ketagihan dunia siber ini mengundang pelbagai impak penyakit sosial seperti, pergaulan bebas, perzinaan, pelacuran, penuluran budaya Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender (LGBT) dan kecelaruan fahaman dan ideologi seperti liberalisme, pluralisme, hedonisme, materialisme dan banyak lagi fahaman sonsang yang bercanggah dengan fitrah kemanusiaan itu sendiri.

Impak Terhadap Nilai Pemikiran Masyarakat

Ledakan teknologi dan maklumat ibarat tsunami yang melanda nilai pegangan, pemikiran dan penghayatan nilai murni dan akhlak. Pengaruh negatif mentransformasikan pandangan dan gaya hidup fitrah kemanusiaan serta yang lebih menyedihkan telah mengubah tasawwur Islam iaitu tauhid, syariah dan akhlak yang sepatutnya menjadi tasawwur hidup seseorang itu seperti dihasratkan dalam falsafah pendidikan Islam (Saifulazry Mokhtar et al. 2019). Sebagai contoh ketagihan melayari laman-laman lucah dan tidak bermoral memberi implikasi yang mendalam kepada perkembangan minda dan fizikal seseorang itu. Sudah tentu pemikirannya cenderung kepada perkara-perkara yang berunsurkan seksual dan nafsu serta keseronokan semata-mata. Sebagai hamba Allah pemikirannya seharusnya lebih luas, berwawasan, kreatif, inovatif dan seagat untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Selain itu, anasir-anasir ideologi barat yang berpaksikan akal dan kebendaan saban hari menghakis nilai dan jati diri remaja khususnya dan masyarakat amnya. Tanpa kesedaran dan tindakan umat Islam akan terus hanyut dan terperangkap dalam kerangka pemikiran barat dan tidak akan mencapai kesejahteraan yang diharapkan akibat keterikatan mental kepada teknologi.

Impak Terhadap Kefahaman Masyarakat

Teknologi maklumat dan digital ini juga mempunyai pengaruh yang besar dalam membentuk kefahaman individu dan sesuatu masyarakat. Nilai kefahaman inilah yang akan berkembang membentuk sikap, peri laku dan tindakan individu dan masyarakat. Pada era kemodenan ini penerapan ilmu dan nilai itu didominasi daripada apa yang dilihat, dibaca, didengar dan dikongsi di dunia siber berbanding dahulu di mana penerapan ilmu dan nilai itu diperturunkan dari satu generasi kepada generasi berikutnya melalui orang dewasa, ibu bapa, guru dan pemimpin masyarakat. Sebagai contoh penyebaran berita palsu dan fitnah melalui media sosial serta kesahihan ilmu yang dipertikaikan sumbernya (Nurul Afiza Razali et al. 2019). Tanpa penelitian dan rujukan yang sahih mendorong kepada

pemahaman yang salah yang akhirnya terwujud kezaliman dan penindasan. FPI mengajar kita berdasarkan maksud sabda Rasulullah SAW “Sekiranya datang kepadamu orang yang fasik(jahat) membawa berita maka hendaklah kamu berwaspada(berhati-hati) akan kebenarannya”. (Sofwah al-Tafasir, 3/216)

Impak Terhadap Budaya Masyarakat

Globalisasi dan digitalisasi bukan sahaja membawa transformasi dalam bidang teknologi dan komunikasi akan tetapi telah menjadi medan untuk pihak Barat mengeksport keluar budaya songsang hidup mereka seperti budaya hedonisme, sekularisme dan religious-pluralisme yang bukan merupakan budaya kita (Ismahalil Ishak 2004). Sebaliknya, Islam agama yang syumul ajarannya turut membentuk budaya tersendiri yang unggul kerana bersumberkan wahyu daripada Maha Pencipta seluruh makhluk dan alam. Budaya Islam yang terkandung dalam syariat-Nya menjamin kemaslahatan hidup manusia dunia dan akhirat (Maimun Aqsha Lubis et al. 2022). Sebagai contoh dalam perintah Allah SWT berkenaan larangan zina dan perkara-perkara yang mendorong kepada zina yang bermaksud “Jangan kamu hampiri perbuatan Zina kerana ia adalah amalan yang sangat keji dan seburuk jalan” mengandungi falsafah pendidikan Islam untuk membentuk budaya umat Islam itu sendiri iaitu pembinaan diri yang soleh dan mencintai kebaikan serta membenci kejahatan dan kemudaratannya. Masyarakat yang beriman dengan tuntutan ajaran ini akan mampu mendidik dan mengawal diri daripada budaya asing yang bertuhankan nafsu dan akal semata-mata seperti budaya pergaulan dan seks bebas, budaya mengejar kebendaan, hiburan dan keseronokan serta mementingkan diri sendiri.

FPI SEBAGAI SOLUSI IMPAK NEGATIF REVOLUSI DIGITAL

Kekuatan Falsafah Pendidikan Islam itu terletak kepada falsafah Islam itu sendiri kerana berpaksikan kepada ketauhidan, syariat dan akhlak yang bersumberkan wahyu iaitu al-Quran dan Sunnah. Ilmu dan prinsip yang terkandung dalamnya berperanan dan mempunyai kekuatan untuk menghadapi segala isu dan permasalahan hidup manusia sepanjang zaman termasuk zaman revolusi digital ini. Keimanan dan keyakinan yang teguh kepada manhaj Rabbani ini mendorong kepada pemikiran dan penyelesaian yang dinamik, kreatif dan relevan dengan perkembangan sesuatu bangsa dan tamadun (Tengku Radziatan Mardziah et al. 2017). Islam tidak pernah menolak perubahan dan kemajuan bahkan Islam adalah satu-satunya agama yang membawa perubahan dan meletakkan kedudukan pencapaian ilmu pengetahuan ditempat yang tinggi demi kesejahteraan dan kemaslahatan hidup manusia.

Seharusnya perkembangan teknologi digital dimanfaatkan untuk menyokong dan mencapai tujuan dan matlamat falsafah pendidikan Islam agar syiar pendidikan Islam itu tersebar dan menyinar ke seluruh dunia sebagaimana peradaban Islam telah mencapai kegemilangannya pada suatu masa dahulu. Suatu kaedah, strategi dan pendekatan yang berteraskan falsafah pendidikan Islam perlu dirancang dan diimplementasi dalam kerangka

mendidik, mengawal individu daripada lalai dan terus hanyut dalam pengaruh arus digitalisasi ini serta menangkis impak negatif yang timbul daripadanya.

Peranan Ibu bapa Mengikut FPI

Setiap anak yang dilahirkan ibarat sehelai kain putih bersih, maka ibu bapa lah yang bertanggungjawab mencoraknya, inilah yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW yang bersabda: “Anak itu ibarat seperti kain putih, ibu bapalah yang akan mencorakkannya menjadi Nasrani, Yahudi ataupun Majusi.” (Hadis riwayat Bukhari 1385). Dapat difahami daripada hadis ini bahawa mengikut falsafah pendidikan Islam dalam (Muhammad Amirul & Muhammad Zulazizi 2020) Ibu Bapa adalah insan yang bertanggungjawab dan berperanan penting dalam pendidikan anak-anak sejak dari lahir sehingga lah meningkat dewasa. Pendidikan yang dimaksudkan merangkumi pendidikan keduniaan dan akhirat dan tingkah laku yang dibentuk hendaklah berteraskan ketauhidan dan keimanan kepada ALLah SWT.

Sayyidina Ali juga pernah berpesan “didiklah anakmu sesuai dengan zamannya”. Tradisi kecemerlangan pendidikan Islam zaman silam perlu dijadikan rujukan dan panduan dalam mendidik generasi sekarang agar berupaya mendepani segala cabaran. Sekiranya dibandingkan pesanan ini dengan peredaran zaman sekarang, anak-anak perlu dididik bersesuaian dengan perkembangan dunia digital sekarang, iaitu anak-anak dididik tentang adab, panduan, tata cara penggunaan kemudahan teknologi agar tidak melakukan perkara yang membawa kepada dosa dan haram sebaliknya memanfaatkannya untuk memperoleh ilmu dan kemahiran seterusnya memperoleh keredhaan Allah. Ibu bapa perlu sentiasa sedar akan tugas dan peranan mereka sebagai pemimpin keluarga yang akan dipersoal oleh Allah di akhirat nanti (Muhammad Amirul & Muhammad Zulazizi 2020). Pendidikan Islam ini memperingatkan agar ibu bapa memelihara keluarga dan tanggungannya daripada perkara yang mengheret ke dalam api neraka. Justeru, anak-anak perlu dimantapkan jati diri dengan akidah dan akhlak sebagai benteng daripada impak negatif revolusi digital iaitu penyebaran ideologi dan budaya barat yang jauh tersasar.

Peranan Pendidik Mengikut FPI

Barisan kedua yang mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam melengkapkan anak-anak dan generasi muda dengan ilmu dan akhlak ialah golongan guru atau dipanggil pendidik. Banyak isu dan perkara negatif yang boleh berlaku sekiranya kemudahan teknologi maklumat dan dunia digital ini disalah guna tanpa kebijaksanaan dan kekuatan aqidah serta nilai akhlak yang dipegang. Antaranya melayari laman web berunsur lucah, terpengaruh dengan ideologi dan budaya barat yang menyesatkan serta kegiatan penipuan dan penyamaran yang berunsurkan kewangan (Naquiah Nahar et al. 2018). Kesan daripada melihat gambar dan laman pornografi ini amatlah besar dan buruk terutamanya kepada fikiran, ingatan, jati diri dan indentiti seseorang itu, tanpa bimbingan dan kawalan

ditambah dengan desakan biologinya akan mendorong kepada perlakuan salah laku akhlak dan jenayah seperti seks bebas, rogol, sumbang mahram, pergaulan bebas dan sebagainya.

Para guru perlu memberi penekanan kepada pendidikan akidah dan akhlak agar dapat membentuk keperibadian dan jiwa yang bersih dan kental untuk berhadapan dengan ancaman dan cabaran yang mengoncang keimanan dan menghakis identiti seseorang muslim (Tengku Radzian Mardziah et al. 2017; Muhammad Amirul & Muhammad Zulazizi 2020). Melalui didikan yang betul berpaksikan aqidah, dan akhlak akan mampu mengawal dan mencegah diri individu tersebut daripada melakukan kemungkaran. Mereka akan menggunakan kemudahan digital ini dengan etika dan moral yang tinggi. Keadaan ini akhirnya akan menjadi nilai dan budaya yang baik di kalangan warga Malaysia. Pendidikan Islam yang dilaksanakan perlu diperkasa dengan konsep-konsep *tarbiyyah*, *ta'lim* dan *ta'dib* iaitu bukan sekadar menyampaikan kandungan ilmu pengetahuan sahaja, sebaliknya mereka mampu mengamal dan menghayati ilmu dalam menangani impak negatif dunia digital ini.

Peranan Masyarakat Mengikut FPI

Haruslah kita fahami sebaiknya bahawa perkembangan teknologi dan digital itu tidak keseluruhannya buruk tetapi yang menjadikannya banyak timbul keburukan adalah berpunca daripada sikap penggunaan kita itu sendiri (Naquiah Nahar et al. 2018). Oleh sebab itu, umat Islam perlu kembali kepada asas ajaran akhlak dalam Islam. Sebagai contoh pengajaran daripada sifat-sifat mulia para Rasul seperti *siddiq*, *amanah*, *tabligh* dan *fatonah* merupakan intipati falsafah pendidikan Islam yang cukup sempurna untuk menangkis kesan buruk teknologi ini. Sekiranya budaya masyarakat tersebut berpegang kepada asas sifat ini mereka akan tahu dan sedar tanggungjawab mereka dalam masyarakat dengan jujur dan amanah ketika menggunakan kemudahan ini dan mengambil peluang daripada kemudahan ini untuk memajukan diri, keluarga dan masyarakat dari sudut ekonomi mahupun sosialnya. Platform dan kecanggihan ini dimanfaatkan sebagai contoh untuk menambah baik perniagaan dan menyebarkan luas budaya ilmu dan kemahiran untuk kesejahteraan bersama.

Sementara itu, falsafah pendidikan Islam juga mengajar dan mendidik kita tentang konsep persaudaraan dan kejiiran. Banyak dalil sama ada daripada al-Quran mahupun hadis yang menekankan pendidikan tentang kejiiran dan persaudaraan. Al-Quran menegaskan bahawa orang beriman itu adalah bersaudara dan perlunya menjaga hubungan sesama. Selain itu, terdapat juga hadis yang mengaitkan keimanan kepada Allah dan akhirat dengan menjaga hubungan baik dengan jiran dan mengasihi saudaranya. Jelas di sini, Islam menekankan konsep kemasyarakatan dan keutamaan menjaga kesejahteraan dalam masyarakat (Mashitoh Yaacob et al. 2021). Dalam aspek menangani kesan buruk revolusi digital ini, umat Islam hendaklah membuang sikap mementingkan diri

sendiri sahaja malah cakna dengan fenomena buruk yang berlaku dalam masyarakat. Kerjasama dan musyawarah bersama atas dasar keimanan kepada Allah menjamin perlindungan daripada penularan budaya tidak sihat impak kemodenan ini.

PENUTUP

Penggunaan dan pengaruh teknologi maklumat dan kecanggihan digital dalam kehidupan masyarakat Malaysia kini sudah sehati dalam banyak aspek kehidupan. Bagi menjamin kelangsungan nilai-nilai berteraskan matlamat dan prinsip Islam serta budaya positif masyarakat, semua pihak dari pemimpin negara, pemimpin masyarakat, guru, ibu bapa sehingga orang perseorangan mestilah bertanggungjawab mengukuhkan nilai agama, moral dan etika masyarakat, terutama generasi muda bagi mengelak daripada terjerumus dalam penyakit sosial yang berleluasa. Justeru, dasar-dasar kerajaan berkaitan dengan pendidikan dan budaya perlu mengangkat falsafah pendidikan Islam sama ada dari konteks pendidikan Islam secara umum atau konteks sistem pendidikan negara untuk menangani isu penyalahgunaan dan impak negatif digitalisasi ini sebagai suatu yang utama dan penting dalam mengiringi arus pemodenan dan pembangunan agama dan Negara bangsa Malaysia. Harus diinsafi terdapat cabaran-cabaran yang timbul di sebalik kemodenan ini sekiranya kemudahan ini tidak dipandu dengan nilai-nilai kemanusiaan, keagamaan, pendidikan dan sebagainya.

RUJUKAN

- Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhruddin. 2012. Gagasan Pemikiran Falsafah Dalam Pendidikan Islam. *Journal Of Islamic And Arabic Education* 4(2), 2012 57-70 4(2): 57–70.
- Ismahalil Ishak, . 2004. Globalisasi Dan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (Ict): Impak Sosial Kepada Masyarakat Malaysia (2004): 1–20.
- Maimun Aqsha Lubis, Siti Hajar Taib, Usiono, M., Ikwan Lubis Se, M. & Aisyah Sjahrony. 2022. Integrasi Ilmu Dan Inovasi Pendekatan Digital Dalam Pendidikan Islam Mendepani Era Revolusi Industri 4.0 Di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Asean Comparative Education Research Journal On Islam And Civilization (Acer-J)* 5(1): 27–41.
- Mashitoh Yaacob, Che Sulaila Che Harun, Rosilawati Mohd Hanapi, Mohd Yusof Hj Othman, Abdul Latif Samian, Mohd Al Adib Samuri, Khairul Anwar Mastor, Ab Halim Tamuri & Mohd Farid Ravi Abdullah. 2021. Isu Revolusi Industri 4.0: Perubahan Nilai Masyarakat Dan Cabaran. In *Proceeding Of The 8th International Conference On Management And Muamalah 2021 (Icomm 2021)* E-Issn: 2756-8938. Vol. 2021 Pp. 472–484.
- Muhammad Amirul & Muhammad Zulazizi. 2020. Falsafah Dan Kurikulum Pendidikan Islam Menurut Pandangan Tokoh Ilmuwan Islam: Imam Al-Qabisi. *Sains Insani* 5(1): 187–193.
- Naquib al-Attas, Syed Muhammad. 1980. *The Concept of education in Islam*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM)
- Naquiah Nahar, Sahrnizam Sangi, Salvam, D.A.B., Nurhidayu Rosli & Abdul Hafiz Abdullah. 2018. Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja. Umran - *International Journal Of Islamic And Civilizational Studies* 5(1): 87–99.
- Nurul Afiza Razali, Noor Hera & Kamarul Azmi Jasmi. 2019. Media Sosial Dan Impak Negatif Menurut Islam. *Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan*. Malaysia 2019: 33–48.
- Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Habibah Artini Ramlie & Abang Mohd Razif Abang Muis. 2019. Falsafah Pendidikan Islam Merentas Kurikulum Alaf Ke-21. In *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Kemanusiaan Kali Ke-2*. Pp. 94–105.
- Tengku Radzitan Mardziah, Nahrawi & Noorwati. 2017. Pendidikan Islam Dalam Menghadapi Revolusi Industri 4.0. *Redesigning Lifelong Learning Agenda For Islamic Education Pendidikan* 265–270.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Robiatul Adawiah, Yusmini Md Yusoff, Fadillah Mansor & Zaharah Hussin. 2017. Falsafah Pendidikan Islam dan Hubungannya dengan Pendekatan Pengajaran Berpusatkan Pelajar.